

**PROSPEK PERMINTAAN TERHADAP PERKHIDMATAN PENJAGAAN
WARGA TUA
(PROSPECT REQUEST FOR SENIOR CITIZEN SERVICES)**

WOOK ENDUT & FARIZA AHMAD

ABSTRAK

Sebagaimana yang berlaku di negara-negara maju, isu penjagaan warga tua di Malaysia kini menjadi semakin penting. Bilangan warga tua di Malaysia dijangka akan meningkat dan mencapai 3.21 juta orang pada tahun 2020 berbanding dengan 1.23 juta orang pada tahun 2008. Pada masa yang sama, struktur keluarga tradisional yang semakin berubah kepada keluarga nuklear menyebabkan perancangan penjagaan warga tua menjadi semakin penting. Satu kajian empirikal yang melibatkan 433 responden berumur 40 tahun ke atas di tiga negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Johor telah dijalankan. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti prospek permintaan terhadap jenis perkhidmatan penjagaan orang tua formal (samada kerajaan atau swasta) sekiranya responden memilih untuk tidak tinggal bersama anak-anak atau ahli keluarga mereka. Kajian ini juga mengkaji sejauhmana perancangan penyediaan pelbagai sumber kewangan berkaitan dengan penjagaan perkhidmatan warga tua. Tidak dapat dinafikan rumah penjagaan orang tua swasta mengenakan caj perkhidmatan yang tinggi sebaliknya kemasukan ke rumah penjagaan orang tua awam tertakluk kepada syarat-syarat kemasukan yang ketat. Seterusnya, kajian ini juga menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan mereka dengan menggunakan model regresi Probit. Faktor-faktor yang penting dalam mempengaruhi pilihan rumah penjagaan formal berbanding tidak formal adalah faktor pendapatan, umur, agama, mempunyai harta ataupun insuran dan juga faktor status kesihatan responden. Pemilihan jenis perkhidmatan penjagaan warga tua samada formal ataupun tidak adalah penting untuk memastikan penyediaan dan penawaran perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan di masa hadapan adalah bersesuaian dan mencukupi.

Kata kunci: warga tua; perkhidmatan penjagaan; kebajikan.

ABSTRACT

As it happened in developed countries, the issue of caring for the elderly in Malaysia is becoming increasingly important. Number of elderly in Malaysia is expected to rise and reached 3.21 million in the year 2020 compared to 1.23 million in 2008. At the same time, the traditional family structure is changing to cause the nuclear family eldercare planning is becoming increasingly important. An empirical study involving 433 respondents aged 40 and above in three of Selangor, Negeri Sembilan and Johor have been carried out. The main objective of this study was to identify the prospects for demand of formal aged care services (whether government or private sector) if the respondent chose not to live with their children or their families. This study also assesses the extent of planning the preparation of various financial resources related to the care of elderly services. No doubt the private aged care home to impose high service charges but admission to aged care homes public subject to the strict entry requirements. Further, this study also analyzed factors that influence their choice by using PROBIT regression model. Important factors influencing the choice of a nursing home in formal than informal is the factor income, age, religion, own property or insurance and the respondent health status factors. Selection of elderly care services, whether formal or not it is important to ensure the provision and availability of services offered by the government, private and non-governmental organizations in the future is appropriate and

adequate.

Keywords: elderly; care services; welfare

1. Pengenalan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui resolusi No 45/106 mengistiharkan 1 Oktober sebagai Hari Warga Tua Antarabangsa. Kerajaan Malaysia mengistiharkan 1 Oktober setiap tahun mulai 1992 sebagai Hari Warga Tua Kebangsaan. Warga emas merupakan individu yang berumur 60 tahun ke atas dan biasanya mereka akan menghadapi masalah dalam kemerosotan fizikal. Namun, sehingga hari ini masih belum terdapat satu definisi yang baik untuk mentakrifkan warga emas. Mengikut statistik rasmi bilangan penduduk warga emas telah meningkat dari tahun ke tahun. Bilangan warga emas dijangka akan meningkat dan mencapai 3.21 juta orang pada tahun 2020 berbanding dengan 1.23 juta orang pada tahun 2008 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2008). Pertambahan dalam bilangan warga emas semakin meningkat selari dengan pembangunan dan kemajuan negara dari segi sosio-ekonomi, kesihatan, pendidikan dan lain-lain.

Malangnya, peningkatan bilangan warga emas ini merupakan fenomena yang membawa impak dan implikasi yang kurang menyenangkan. Bilangan ibu-bapa (orang tua) yang dikatakan kurang produktif malahan sebilangan pula sakit ini dianggap sebagai beban kehidupan kepada anak-anak mereka. Anak-anak warga emas yang hanya mementingkan diri sendiri sanggup membiarkan ibu bapa mereka hidup bersendirian di luar bandar. Hal ini akan menjadi lebih buruk apabila anak-anak lelaki dan perempuan berhijrah ke bandar yang juga merupakan tempat pekerjaan mereka. Hal ini akan menyebabkan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak menjadi semakin renggang. Senario yang terjadi pada mulanya di luar bandar akan juga turut menular ke bandar-bandar besar apabila struktur keluarga tradisional semakin berubah kepada keluarga nuklear. Akhirnya ibu bapa yang akan menjadi warga emas akan dibiarkan atau terpaksa di hantar ke rumah penjagaan warga emas. Oleh itu penyelidikan ini penting untuk mengkaji samada wujud perancangan penjagaan di usia tua di kalangan masyarakat kita.

2. Objektif Kajian

Secara umumnya, fokus penyelidikan ini mengenalpasti perancangan atau prospek permintaan perkhidmatan penjagaan terhadap warga emas. Secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

- i) Untuk mengenalpasti sejauh mana tahap kesedaran dan perancangan kewangan responden untuk penjagaan di usia tua.
- ii) Untuk menganalisis pilihan responden terhadap jenis penjagaan di usia tua samada untuk memilih cara penjagaan tidak formal (untuk tinggal bersama anak-anak, saudara-mara, bersendirian) ataupun di pusat penjagaan orang tua formal (pusat penjagaan orang tua awam dan swasta).
- iii) Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi jenis perancangan tempat tinggal di usia tua seperti bilangan anak, pendapatan, status kesihatan dan lain-lain.

3. Sorotan Kajian Lepas

Sorotan kajian lepas ini mengemukakan beberapa kajian lepas yang telah dijalankan di negara barat dan juga di Malaysia.

3.1 *Kajian kajian di negara Barat*

Menurut Chen dan Jones (1989), dalam masyarakat barat, orang tua yang tinggal bersama anak biasanya tidak menghadapi masalah kewangan. Mereka berkemampuan mencari sumber kewangan melalui pekerjaan ataupun melalui skim pencen. Mereka mempunyai perancangan masa depan yang lengkap. Oleh itu, kebanyakan mereka rela tinggal sendiri. Walaupun begitu, hubungan kekeluargaan masih rapat. Pada pertengahan tahun 1970-an, 28 peratus warga tua Australia yang tinggal bersendirian berbanding warga tua di Jepun yang hanya berjumlah 9 peratus sahaja yang tinggal bersendirian. Keadaan ini menunjukkan pandangan berbeza antara dua budaya dan agama yang berlainan.

Selain daripada itu, hubungan kekeluargaan di Negara timur mengamalkan struktur kekeluargaan yang sangat erat antara ahli keluarga. Kerajaan juga aktif dengan menyediakan program perumahan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan sosial kepada orang tua. Hanya sebilangan kecil sahaja orang tua tinggal di rumah orang tua. Mereka ini kebanyakannya tidak pernah berkahwin ataupun berkahwin tetapi tidak mempunyai anak dan juga tidak mempunyai saudara serta berkahwin tetapi kehilangan pasangan.

Menurut Qureshi dan Walker (1989) didapati bahawa wanita lebih berminat tinggal bersendirian berbanding lelaki di Sheffield, Britain. Hal ini disebabkan jangkaan hayat wanita lebih tinggi daripada lelaki. Lebih-lebih lagi, jumlah peratusan orang tua wanita yang telah kehilangan pasangan adalah tinggi di Sheffield berbanding tempat-tempat lain di Britain. Selain itu, kemudahan-kemudahan yang ditawarkan kepada orang tua adalah lengkap dan sempurna seperti tempat tinggal yang memudahkan mereka untuk tinggal bersendirian.

Melalui Salma dan Fuziah (1998), corak tempat tinggal yang sesuai untuk memenuhi keperluan dan keinginan orang tua perlu mengambil kira perkara-perkara seperti konsep sama umur, kedudukan kawasan tempat tinggal yang terasing (*isolated*), peluang-peluang untuk bersendirian (*privacy*), pemupukan perasaan kawalan ke atas diri sendiri (*sense of independence and control*), penyediaan khidmat sokongan yang terancang, jagaan dari segi kesihatan, dan juga penyediaan kemudahan-kemudahan asas.

Berdasarkan Smolak (1993), corak tempat tinggal mempunyai banyak implikasi ke atas kesejahteraan hidup orang tua. Selain daripada memenuhi keperluan utilitarian terutama dari segi perlindungan dan keselamatan fizikal, tempat tinggal juga berfungsi untuk memenuhi keperluan-keperluan emosi penghuninya. Tempat tinggal member makna yang istimewa kepada seseorang sebab ia mempunyai kaitan dengan berbagai pengalaman hidup yang ditempuhinya. Di situlah ia mungkin dilahirkan, dibesarkan, menemuhi alam perkahwinan, membesarkan anak-anaknya, dan seterusnya menempuh masa tua dengan pasangannya. Oleh sebab itu, orang-orang tua lebih suka tinggal di rumah sendiri, walaupun ini mungkin menimbulkan keadaan di mana mereka terpaksa tinggal seorang diri berikutan dengan kematian pasangan mereka.

Daripada kajian yang dijalankan oleh Day dan Day (1993) mengenai kesan ke atas kesejahteraan hidup berdasarkan corak tempat tinggal yang berbeza. Golongan orang tua perempuan yang tinggal bersama dengan suami melaporkan tingkat kesejahteraan hidup yang tinggi. Perkara ini diikuti oleh golongan yang tinggal bersendirian. Di mana, golongan yang tinggal bersama-sama saudara-mara merupakan kumpulan yang paling kurang melaporkan tingkat kesejahteraan hidup yang tinggi. Oleh itu, pasangan akan mempengaruhi kesejahteraan masa depan.

Dengan ulasan yang dibuat oleh Van Solinge (1994) ke atas kajian mengenai masalah kesihatan merupakan faktor utama kesanggupan orang tua tinggal bersendirian. Mereka yang mengalami gangguan kesihatan daripada kelanjutan usia perlu mendapatkan rawatan dan jagaan daripada orang lain. Oleh sebab itu, kesanggupan golongan ini tinggal di rumah orang tua lebih tinggi. Sementara itu, kebanyakan orang tua perempuan janda akan memilih terus kehidupan di rumah orang tua. Namun, orang tua duda lelaki cenderung berkesanggupan tinggal bersendirian.

3.2 Kajian di Malaysia

Terdapat beberapa kajian mengenai pelbagai isu warga emas telah dijalankan di Malaysia. Masalah kewangan merupakan satu tekanan hidup yang akan dilalui oleh warga emas terutamanya mereka yang miskin, tiada harta benda atau hanya bergantung kepada wang pencen sahaja. Di Semenanjung Malaysia, kadar kemiskinan isirumah adalah tinggi bagi ketua isirumah yang berumur 61 tahun ke atas. Menurut Tan dan Ng (2000), pertumbuhan warga emas di Malaysia adalah sejajar dengan perkembangan sains dan teknologi perubatan di negara ini dimana semakin banyak bilangan hospital serta bilangan doktor dan katil yang disediakan di hospital, semakin ramai orang tua. Selain itu, dasar kerajaan juga mempengaruhi bilangan warga emas di Malaysia. Pemberian pencen serta pembinaan rumah orang tua telah meningkatkan jaminan sosial penduduk tua. Maka terdapat semakin ramai warga emas di Malaysia. Sementara itu, di negeri-negeri di Utara Semenanjung Malaysia kebanyakan masyarakat menghadapi masalah kemiskinan ekonomi dan taraf hidup sehingga mendorong golongan wanita tua bekerja bagi menampung perbelanjaan harian keluarga mereka.

Melalui Marsitah, Fatan dan Suhana (1999), faktor-faktor demografi, kesihatan dan kekeluargaan merupakan sesuatu aspek yang penting dalam perancangan masa depan dan dasar kependudukan negara. Daripada segi penambahan demografi orang tua yang semakin meningkat, kerajaan dan swasta perlu berganding bahu demi penyediaan sokongan sosial untuk warga emas. Dengan itu, aspek penjagaan kesihatan dan hubungan kekeluargaan memainkan peranan penting kepada golongan orang tua ini. Konsep-konsep seperti “warga emas teras masyarakat”, “masyarakat penyayang” dan “rumahku syurgaku” perlu dinilai semula supaya masyarakat dan keluarga dalam tema-tema tersebut khususnya bagi orang tua. Peranan keluarga terhadap orang tua dititikberatkan supaya sisa-sisa kehidupan mereka akan terus terbela dan terpelihara.

Hasil kajian Santhi (2006) adalah berkaitan dengan analisis pola perbelanjaan sebulan orang emas di sekitar Johor Bharu. Dari kajian ini mendapati bahawa pola perbelanjaan golongan orang tua adalah tidak rasional di mana pendapatan yang diterima adalah terhad berbanding perbelanjaan mereka yang tidak terhad. Maka, warga emas perlu menambah pendapatan bulanan yang sedia ada jika mereka ingin mengekalkan gaya hidup seperti sebelum bersara. Dengan itu, perancangan awal bagi kehidupan selepas bersara menjadi sangat penting. Perancangan ini mampu mengekalkan gaya hidup mereka tidak berubah selepas bersara.

Jariah, Sharifah dan Tengku Aizan (2006) dalam kajian mereka menerangkan tahap kesihatan orang tua di Malaysia dan perbelanjaan golongan tersebut terhadap kesihatan. Dalam kajian ini, golongan orang tua biasanya menghadapi masalah kewangan terhadap perbelanjaan kesihatan. Dalam proses penuaan ini, masalah kewangan merupakan beban yang berat bagi mereka dan keluarga mereka terutamanya banyak penyakit akan timbul semasa tua. Keadaan menjadi lebih buruk, apabila anak yang telah berkeluarga sukar membiayai perbelanjaan perubatan mereka. Oleh itu, generasi muda bukan sahaja perlu

meningkatkan kesedaran terhadap penjagaan kesihatan bahkan juga mengamalkan habit pengumpulan wang sebagai persediaan di hari tua.

Sharifah et al. (2006) telah membuat kajian tentang corak dan status kesihatan bagi orang tua. Majoriti orang tua yang tinggal bersendirian ini adalah terdiri daripada wanita Melayu tanpa suami. Mereka mempunyai tahap pendidikan tidak formal, status kesihatan yang rendah dan peruntukan yang sangat sedikit terhadap keperluan kesihatan. Orang tua adalah lebih baik tinggal dengan anak atau tinggal di rumah orang tua berbanding tinggal bersendirian. Hal ini disebabkan golongan ini yang memerlukan perhatian dan penjagaan ketika mereka sakit.

Ng dan Tey (2006) pula menyatakan, dengan peningkatan tahap hidup dan taraf pendidikan, bilangan warga emas yang produktif dalam membantu pembangunan negara juga akan semakin ramai. Kini, kebanyakan warga emas yang masih sihat berharap mereka dapat meneruskan perkhidmatan walaupun telah mencapai umur persaraan wajib. Pada usia 55 tahun bagi lelaki dan wanita yang mencaapi umur persaraan, mereka dijangka dapat hidup antara purata 20-23 tahun lagi. Objektif kajian tersebut adalah untuk melihat faktor-faktor yang memberi kesan terhadap penglibatan warga emas dalam pasaran kerja, serta pengharapan mereka untuk terus bekerja. Data tersebut menunjukkan perubahan yang signifikan dalam kadar pekerjaan golongan emas berdasarkan status kesihatan, tahap pendidikan dan etnik. Kajian ini juga mengemukakan cadangan supaya penetapan umur persaraan wajib di Malaysia serta peranan skim perlindungan keselamatan sosial perlu dikaji semula.

Ada pendapat mengatakan kemajuan yang dicapai oleh negara kurang dirasai oleh golongan warga emas. Hal ini disebabkan warga emas kurang mendapat bantuan dan sumbangan dari pelbagai pihak, tidak mengira awam, swasta atau pun individu. Golongan tua yang dianggap kurang produktif dianggap hanya merupakan segolongan yang berkongsi faedah daripada usia pembangunan.

Akibat daripada arus pembangunan dan proses modenisasi, telah menyebabkan berlakunya penghijrahan dari kampung dan bandar dan hal ini menyebabkan warga emas ditinggalkan di kampung halaman dan akhirnya dihantar ke rumah penjagaan warga emas awam atau swasta. Begitu juga di bandar-bandar besar, semakin ramai warga emas dihantar ke pusat-pusat penjagaan warga emas dan tidak dijaga oleh anak-anak atau ahli keluarga sendiri. Ini disebabkan tekanan kehidupan dan desakan ekonomi anak-anak merupakan antaranya sebab berlaku masalah ini. Anak-anak yang menghadapi pelbagai masalah dari segi pekerjaan, hubungan seharian dan lain-lain menyebabkan mereka tidak sanggup atau tidak mampu untuk memberi perhatian untuk menjaga ibu-bapa mereka yang sudah tua.

Isu-isu dan masalah penjagaan dan perlindungan warga emas ini telah membawa kepada kemunculan dan peningkatan rumah penjagaan warga emas. Pada peringkat awal, penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKIM) merupakan salah satu usaha kerajaan untuk menjaga kebajikan warga emas. Dengan penubuhan pusat penjagaan harian warga emas, Rumah Seri Kenangan dan lain-lain, ia dapat memberi jagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Masalah ini menjadi semakin kompleks untuk diselesaikan terutama di kalangan warga emas yang masih bujang dan yang ketiadaan keluarga. Terdapat 1,209 warga emas tinggal di sembilan Rumah Seri Kenangan pada tahun 2001. Selain daripada pihak kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) juga kini memainkan peranan dan tanggungjawab semakin berat terutamanya dalam penyediaan perkhidmatan penjagaan dan hak bagi golongan warga emas. Dalam tahun 2003 terdapat 80 *cental welfare council homes* dan 12 rumah penjagaan orang tua NGO yang menerima geran daripada pihak kerajaan dan terdapat 45

rumah penjagaan orang tua swasta berdaftar dan juga terdapat 20 rumah penjagaan orang tua NGO berdaftar yang tidak mendapat geran kerajaan (Utusan Malaysia, 2007).

Mungkin sudah tiba masanya untuk kita semua menyedari hakikat bahawa pada suatu hari kita akan mencapai usia tua dan perlu memikirkan atau merancang siapa yang akan menjaga kita di usia tersebut. Hal ini akan menjadi lebih kritikal jika pada usia tua kita memerlukan penjagaan rapi disebabkan pelbagai penyakit kronik. Terdapat kajian kesihatan terhadap golongan warga emas mendapati majoriti warga emas yang dikaji menghadapi masalah kesihatan dan masalah pembiayaan kos kesihatan (Wah-Yun, Khoo dan Tan (2006)). Sehingga kini, sorotan kajian lepas yang dijalankan di Malaysia kurang menekankan kepada perancangan tempat tinggal dan sumber kewangan semasa di usia tua.

4. Hasil Kajian

Satu kajian empirikal telah dilakukan di tiga negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. Seramai 433 responden yang berusia 40 tahun dan ke atas mengikut pelbagai latarbelakang sosio-ekonomi seperti gender, kaum dan kelas pendapatan telah ditemubual untuk mengenalpasti kewujudan perancangan awal penjagaan diri mereka di usia tua. Kerja lapangan ini telah dijalankan dari bulan Januari 2009 hingga April 2009.

4.1 Latarbelakang responden

Latarbelakang responden adalah sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual 1. Didapati 46.7% responden adalah dari negeri Selangor dan yang berasal dari Johor dan Negeri Sembilan adalah masing-masing 27.9% dan 25.4%. Majoriti (60.3%) responden adalah lelaki dan bakinya adalah perempuan. Untuk melihat perancangan tempat tinggal di hari tua responden dipilih daripada mereka yang berumur 40 tahun dan ke atas. Didapati (43.9%) responden berada dalam kelas umur 40-50 tahun, 46.3% berada dalam kelas umur 51-60 tahun dan bakinya adalah terdiri daripada mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Responden yang paling tua berusia melebihi 70 tahun. Responden juga terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu Cina, Melayu dan India. Orang Melayu pula beragama Islam dan majoriti orang Cina beragama Buddha dan orang India pula beragama Hindu. Dari segi pendidikan pula responden terdiri daripada pelbagai tahap pendidikan iaitu dari sekolah rendah hinggalah ke tahap universiti tetapi majoriti (52.0%) responden adalah berpendidikan sekolah menengah.

Jadual 1: Demografi Responden

Variabel	Frekuensi	%	Variabel	Frekuensi	%
Kawasan kajian			Umur		
Johor	121	27.9	40-50 tahun	190	43.9
Negeri Sembilan	110	25.4	51-60	201	46.3
Selangor	202	46.7	61 ke atas	42	9.7
Jantina			Bilangan anak		
Lelaki	261	60.3	Tiada	14	3.2
Perempuan	120	39.7	1-2 orang	58	13.4
Bangsa			3-4 orang	261	60.3
Melayu	158	36.5	5 orang dan ke atas	100	23.1
Cina	179	41.3	Status perkahwinan		
India	96	22.2	Bujang	13	3.0

Agama			Berkahwin	385	88.9
Islam	165	38.1	Duda/Janda	35	8.1
Buddha	155	35.8	Tahap pendidikan		
Hindu	93	21.5	Sekolah rendah atau ke bawah	85	19.6
Kristian	17	3.9	Sekolah menengah	225	52.0
Lain-lain	3	0.7	Kolej/maktab	89	20.6
Pekerjaan			Universiti	32	7.4
Kerja awam	38	8.8	Lain-lain	2	0.5
Kerja swasta	152	35.1	Pendapatan responden		
Peniaga	88	20.3	RM1000 ke bawah	65	15.0
Pencen	58	13.4	RM1001-RM2000	88	20.3
Suri rumah	72	16.6	RM2001-RM3000	140	32.3
Lain-lain	25	5.8	RM3001-RM4000	78	18.0
Sumber pendapatan			>RM40000	62	14.3
Responden pencen			Status tempat tinggal sekarang		
Anak-anak	46	23.5	Rumah sewa	67	15.5
KWSP	90	45.98	Rumah sendiri/ beli	334	77.1
Simpanan/insurans	42	21.4	Rumah saudara	14	3.2
Lain-lain	18	9.2	Lain-lain	18	4.2

Sumber: soal selidik

Dari segi pendapatan pula mereka yang berpendapatan RM1000 dan ke bawah kebanyakannya adalah dari golongan suri rumah dan responden yang telah pencen. Bagi responden lain pula pendapatan mereka adalah dari kelas pendapatan RM2000 dan ke atas. Terdapat juga responden yang mempunyai pendapatan melebihi RM7000.

Status aset atau kekayaan responden boleh dilihat daripada jenis tempat kediaman mereka iaitu sama ada rumah sendiri yang dibeli atau sebagainya. Didapati 77.1% responden mempunyai rumah sendiri. Selain daripada mempunyai sumber pendapatan bagi responden yang masih bekerja, mereka yang sudah bersara pula, 45.98% mempunyai sumber pendapatan KWSP dan 21.4 peratus mempunyai pencen dan insuran dan juga daripada lain-lain sumber.

4.2 Perancangan Kewangan dan Tempat Tinggal di Usia Tua

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauh mana tahap kesedaran dan perancangan kewangan responden untuk penjagaan di usia tua. Jadual 2 menunjukkan beberapa maklumat penting mengenai perancangan kewangan di kalangan responden kajian ini. Perancangan kewangan untuk di usia tua adalah penting kerana seseorang individu yang memasuki usia tua adalah lebih berkemungkinan untuk mempunyai tahap kesihatan yang kurang memuaskan iaitu mempunyai pelbagai jenis penyakit seperti kencing manis, darah tinggi, sakit jantung dan lain-lain yang tentunya memerlukan kos perubatan yang tinggi terutamanya jika mendapat rawatan di hospital swasta.

Kajian ini mendapati 55.4% responden menyatakan mereka mempunyai perancangan kewangan di masa depan dan 35.1% responden mempunyai simpanan untuk masa depan. Selain itu, untuk menampung perbelanjaan kesihatan yang semakin meningkat, ramai responden (68.8%) mempunyai insuran kesihatan (Jadual 2). Memang tidak dapat dinafikan jika mereka merancang untuk tinggal di rumah penjagaan orang tua terutamanya yang swasta, tentunya perancangan kewangan yang mencukupi amat diperlukan kerana kos perkhidmatan rumah penjagaan orang tua swasta secara relatifnya adalah agak tinggi. Daripada temubual

penyelidik didapati terdapat rumah penjagaan orang tua di Johor Bharu yang mengenakan caj sebanyak RM1000 dan yang berada di Sungai Buloh, Selangor pula sebanyak RM1500 sebulan bergantung kepada jenis dan kemudahan penjagaan yang yang diberikan. Namun begitu hanya sebilangan kecil sahaja (9.7%) sahaja responden yang mengetahui kadar pembiayaan di rumah penjagaan orang tua swasta. Di kalangan yang menyatakan mereka mengetahui mengenai kadar pembiayaan, ramai yang menyatakan kesanggupan membayar yang jauh lebih rendah daripada kadar bayaran sebenar ditempat penjagaan orang tua formal (swasta).

Jadual 2: Maklumat Perancangan Kewangan di Usia Tua

Maklumat Perancangan Kewangan	Bilangan	Peratus
1. Mempunyai perancangan kewangan untuk masa depan	240	55.4%
2. Mengetahui kadar pembiayaan di rumah penjagaan orang tua swasta	42	9.7%
3. Mempunyai simpanan untuk masa depan	152	35.1%
4. Membeli insuran kesihatan	298	68.8%

Sumber: soalselidik

4.3 Perancangan Kewangan Mengikut Latarbelakang

Secara umumnya, adalah penting untuk semua individu mempunyai perancangan kewangan yang mencukupi di usia tua walaupun mereka merancang untuk tinggal sendiri, bersama anak-anak ataupun saudara-mara (perancangan penjagaan tidak formal) dan lebih-lebih lagi jika mereka merancang untuk tinggal di rumah penjagaan orang tua terutamanya rumah penjagaan swasta (perancangan penjagaan formal). Jadual 3a menunjukkan perancangan simpanan responden mengikut latarbelakang responden.

Jadual 3a: Perancangan Simpanan Mengikut Latarbelakang Responden

Mempunyai Simpanan / Latarbelakang	Bil Ya (%)	Bil Tidak (%)	Jumlah (%)
Jantina :			
Lelaki	95 (36.40)	166 (63.60)	261 (100.00)
Perempuan	57 (33.14)	115 (66.86)	172 (100.00)
Bangsa			
Melayu	60 (37.97)	98 (62.03)	158 (100.00)
Cina	73 (59.22)	106 (40.78)	179 (100.00)
India	19 (80.21)	77 (19.79)	96 (100.00)
Agama			
Islam	65 (39.39)	100 (60.61)	165 (100.00)
Budha	58 (37.42)	97 (62.58)	155 (100.00)
Hindu	17 (18.28)	76 (81.72)	93 (100.00)
Kristian	11 (64.71)	6 (35.29)	17 (100.00)
Lain-lain	1 (33.33)	2 (66.67)	3 (100.00)
Taraf perkahwinan			
Berkahwin	131 (34.03)	254 (65.97)	385 (100.00)
Bujang	12 (92.31)	1 (7.69)	13 (100.00)
Duda/balu	9 (25.71)	26 (74.29)	35 (100.00)

Taraf pendidikan			
Sekolah rendah & kebawah	26 (30.59)	59 (69.41)	85 (100.00)
Sekolah menengah	73 (32.44)	152 (67.56)	225 (100.00)
Kolej/maktab	36 (40.45)	53 (59.55)	89 (100.00)
Universiti	17 (53.13)	15 (46.88)	32 (100.00)
Lain-lain	0 (0)	2 (100.00)	2 (100.00)
Kelas umur			
40-50 tahun	65 (34.21)	125 (65.79)	190 (100.00)
51-60 tahun	76 (37.81)	125 (62.19)	201 (100.00)
60 tahun ke atas	11 (26.19)	31 (73.81)	42 (100.00)
Tahap kesihatan			
Sihat	94 (36.02)	167 (63.98)	261 (100.00)
Tak sihat	58 (33.72)	114 (66.28)	172 (100.00)
Kelas pendapatan sebulan			
RM1000 ke bawah	17 (18.97)	47 (81.03)	64 (100.00)
RM1001-RM2000	26 (29.55)	62 (70.45)	88 (100.00)
RM2001-RM3000	61 (43.57)	79 (56.43)	140 (100.00)
RM3001-RM4000	30 (38.46)	48 (61.54)	78 (100.00)
>RM4000	20 (32.26)	42 (67.74)	62 (100.00)

Sumber: soal selidik

Jika dilihat dari segi perancangan simpanan mengikut latar belakang, rata-rata peratusan responden yang tidak mempunyai simpanan adalah lebih tinggi daripada mereka yang mempunyai simpanan. Pengecualian wujud bagi responden yang berbangsa Cina dan India, beragama Kristian, berstatus bujang dan yang berpendidikan universiti di mana peratusan yang mempunyai simpanan bagi ketiga-tiga kategori ini adalah lebih besar daripada mereka yang tidak mempunyai simpanan. Contohnya, peratus responden yang mempunyai simpanan yang paling rendah di kalangan ketiga-tiga bangsa adalah yang berbangsa Melayu. Hanya 38% daripada kesemua responden berbangsa Melayu yang mempunyai simpanan untuk di usia tua. Manakala, peratusan yang jauh lebih tinggi dapat dilihat di kalangan responden Cina (59%) dan India (80%).

Berkait dengan perancangan dari segi pembelian insuran pula, secara keseluruhan, dari segi semua kategori latarbelakang, peratusan responden yang membeli insuran pula adalah lebih tinggi daripada mereka yang tidak membeli kecuali untuk kelas pendapatan yang paling rendah iaitu RM1000 ke bawah (Jadual 3b). Lebih daripada 62% daripada responden kelas pendapatan ini yang tidak mempunyai insuran kesihatan.

Walaupun bagaimanapun, peratusan yang mempunyai insuran kesihatan semakin meningkat dengan meningkatnya pendapatan. Contohnya, di kalangan responden yang berpendapatan RM1000 ke bawah, hanya 38% yang mempunyai insuran kesihatan tetapi peratusan yang mempunyai insuran meningkat pada kelas pendapatan yang lebih tinggi. Lebih daripada 82% responden yang berpendapatan lebih daripada RM4000 sebulan mempunyai insuran kesihatan. Tren yang sama dapat dilihat untuk kategori taraf pendidikan iaitu semakin tinggi taraf pendidikan responden, semakin tinggi nilai peratusan responden yang mempunyai insuran kesihatan. Di samping itu, walaupun perbezaan peratusan yang tinggi wujud di kalangan responden yang mempunyai simpanan untuk di usia tua mengikut bangsa, perbezaan tersebut tidak begitu ketara dari segi pembelian insuran kesihatan. Contohnya, di kalangan bangsa responden, peratus responden Cina yang mempunyai insuran kesihatan adalah paling tinggi, iaitu 72%, diikuti dengan responden Melayu (71%) dan India (60%).

Memang tidak dapat dinafikan betapa pentingnya perancangan kewangan untuk di usia tua dan dapatan kajian ini mendapati sebilangan besar responden mempunyai perancangan kewangan untuk di usia tua terutamanya dari segi insuran kesihatan. Walaupun wujud perbezaan perancangan kewangan mengikut bangsa dan kelas pendapatan, adalah diharapkan tahap kesedaran dan perancangan kewangan akan terus meningkat di masa hadapan untuk semua golongan masyarakat.

4.4 Model pilihan jenis penjagaan di usia tua

Objektif seterusnya adalah untuk menganalisis perancangan responden terhadap jenis penjagaan di usia tua dan faktor-faktor yang mempengaruhi perancangan pilihan mereka. Jenis penjagaan di usia tua merangkumi samada untuk tinggal bersama anak-anak ataupun saudara mara, tinggal sendiri ataupun tinggal di rumah penjagaan orang tua awam ataupun swasta.

Jadual 4 menunjukkan jenis penjagaan di usia tua yang telah dipilih oleh responden di dalam kajian ini. Majoriti (89.8%) memilih untuk tinggal dengan anak-anak, manakala hanya 4.8% memilih rumah penjagaan orang tua swasta ataupun awam dan 4% memilih untuk tinggal sendiri. Memandangkan tabulasi data untuk beberapa jenis jagaan adalah terlalu sedikit, maka kami telah menggabungkan jenis penjagaan kepada penjagaan formal dan tidak formal untuk menganalisis model pilihan responden mengenai jenis penjagaan di usia tua. Penjagaan formal merangkumi rumah penjagaan awam ataupun swasta manakala penjagaan tidak formal terdiri daripada tinggal dengan anak-anak, saudara mara ataupun tinggal sendiri.

Jadual 3b: Perancangan Insuran Mengikut Latarbelakang Responden

Mempunyai Insuran / Latarbelakang	Bil Ya (%)	Bil Tidak (%)	Jumlah (%)
Jantina :			
Lelaki	192 (73.56)	69 (26.44)	261 (100.00)
Perempuan	107 (62.21)	65 (37.79)	172 (100.00)
Bangsa			
Melayu	112 (70.89)	46 (29.11)	158 (100.00)
Cina	129 (72.07)	50 (27.93)	179 (100.00)
India	58 (60.42)	38 (39.58)	96 (100.00)
Agama			
Islam	117 (70.91)	48 (29.09)	165 (100.00)
Budha	111 (71.61)	44 (28.39)	155 (100.00)
Hindu	58 (62.37)	35 (37.63)	93 (100.00)
Kristian	12 (70.59)	5 (29.41)	17 (100.00)
Lain-lain	1 (33.33)	2 (66.67)	3 (100.00)
Taraf perkahwinan			
Berkahwin	263 (68.31)	122 (31.69)	385 (100.00)
Bujang	11 (84.62)	2 (15.38)	13 (100.00)
Duda/balu	25 (71.43)	10 (28.57)	35 (100.00)
Taraf pendidikan			
Sekolah rendah & kebawah	53 (62.35)	32 (37.65)	85 (100.00)
Sekolah menengah	141 (63.11)	84 (36.89)	225 (100.00)
Kolej/maktab	74 (83.15)	15 (16.85)	89 (100.00)

Universiti	30 (93.75)	2 (6.25)	32 (100.00)
Lain-lain	0 (0)	2 (100.00)	2 (100.00)
Kelas umur			
40-50 tahun	136 (71.58)	54 (28.42)	190 (100.00)
51-60 tahun	139 (69.65)	62 (30.35)	201 (100.00)
60 tahun ke atas	23 (54.76)	19 (45.24)	42 (100.00)
Tahap kesihatan			
Sihat	198 (75.86)	63 (24.14)	261 (100.00)
Tak sihat	101 (58.72)	71 (41.28)	172 (100.00)
Kelas pendapatan (sebulan)			
RM1000 ke bawah	22 (37.93)	36 (62.07)	58 (100.00)
RM1001-RM2000	47 (76.43)	41 (46.59)	88 (100.00)
RM2001-RM3000	106 (76.43)	33 (23.57)	78 (100.00)
RM3001-RM4000	65 (83.33)	13 (16.67)	78 (100.00)
>RM4000	51 (82.26)	11 (17.74)	62 (100.00)

Sumber: soal selidik

Jadual 4: Jenis penjagaan di usia tua

Jenis Penjagaan	Bilangan	Peratus
Penjagaan Formal		
1. Rumah Penjagaan Orang Tua Swasta	17	3.9%
2. Rumah Penjagaan Orang Tua Awam	4	0.9%
Penjagaan Tidak Formal		
1. Tinggal dengan anak-anak	389	89.8%
2. Tinggal dengan saudara mara	6	1.4%
3. Tinggal sendiri (tanpa pembantu)	12	2.8%
4. Tinggal sendiri (dengan pembantu)	5	1.2%

Sumber: soalselidik

Model regresi Probit adalah sesuai digunakan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan perancangan responden samada untuk memilih penjagaan formal ataupun tidak formal. Untuk menganggar model regresi Probit ini, model pilihan berikut akan digunakan:

$y = f(\text{Umur, Jantina, Agama, Anak, Sihat, Pndptn, Kahwin, Simpan, Insuran, Rumah, } \varepsilon)$
dimana

- y = 1 jika memilih penjagaan formal
- = 0 jika memilih penjagaan tidak formal
- Umur = 1 jika responden berumur 40-50 tahun
- = 2 jika responden berumur 51-60 tahun
- = 3 jika responden berumur 61 ke atas
- Jantina = 1 jika responden lelaki
- = 0 jika responden perempuan
- Agama = 1 jika responden beragama Islam
- = 2 jika responden beragama Buddha
- = 3 jika responden beragama Hindu
- = 4 jika responden beragama Kristian

- = 5 jika lain-lain agama
- Anak = bilangan anak
- Sihat = 1 jika status kesihatan responden adalah sihat (tiada penyakit kronik)
- = 2 jika responden mempunyai sebarang penyakit kronik
- Pndptn = 1 jika pendapatan bulanan responden kurang daripada RM1001
- = 2 jika pendapatan bulanan responden RM1001-RM2000
- = 3 jika pendapatan bulanan responden RM2001-RM3000
- = 4 jika pendapatan bulanan responden RM3001-RM4000
- = 5 jika pendapatan bulanan responden lebih daripada RM4000
- Kahwin=1 jika responden berkahwin
- = 0 jika responden adalah bujang/duda/balu
- Simpan = 1 jika responden mempunyai simpanan untuk di usia tua
- = 0 jika tidak mempunyai simpanan
- Insuran =1 jika responden mempunyai insuran kesihatan
- =0 jika responden tidak mempunyai insuran kesihatan
- Rumah=1 jika responden tinggal di rumah yang dibeli
- =0 jika responden tinggal di rumah sewa, saudara dan lain-lain
- ε = ralat

Jadual 5 menunjukkan hasil regresi model Probit yang menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi perancangan responden samada untuk memilih penjagaan formal ataupun tidak formal semasa di usia tua. Pelbagai pemboleh-ubah sosio-ekonomi yang dijangkakan dapat mempengaruhi perancangan pilihan responden di usia tua telah dimasukkan semasa penganggaran model Probit ini.

Hasil model regresi Probit mendapati faktor-faktor yang signifikan dalam mempengaruhi responden untuk memilih rumah penjagaan orang tua swasta adalah faktor umur, pendapatan, agama, bilangan anak, status kesihatan, tempat tinggal, dan juga faktor perancangan kewangan responden iaitu samada mempunyai insuran kesihatan ataupun tidak. Akan tetapi, faktor jantina, status perkahwinan dan juga samada responden mempunyai simpanan untuk di usia tua ataupun tidak didapati tidak signifikan dalam mempengaruhi perancangan pilihan mereka.

Jadual 5 mendapati bahawa faktor pendapatan berhubungan secara positif dengan perancangan pilihan responden untuk tinggal di rumah penjagaan formal. Walaubagaimanapun hanya kategori pendapatan responden yang paling tinggi iaitu lebih daripada RM4000 sebulan adalah signifikan. Responden yang mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM4000 sebulan lebih cenderung untuk memilih rumah penjagaan formal berbanding responden yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM1000 sebulan. Apabila dikira kesan sut, responden yang berpendapatan lebih daripada RM4000 sebulan adalah 17.9% lebih tinggi kebarangkaliannya untuk memilih rumah penjagaan formal berbanding rumah penjagaan tidak formal.

Faktor umur responden juga berhubungan secara positif dengan perancangan pilihan rumah penjagaan formal. Semakin tinggi usia responden semakin cenderung untuk memilih rumah penjagaan formal. Hasil regresi model Probit menunjukkan responden yang berumur antara 51 hingga 60 tahun adalah 0.2% lebih tinggi kebarangkaliannya untuk memilih rumah penjagaan formal jika dibandingkan dengan responden yang berumur antara 40 hingga 50 tahun.

Seterusnya, faktor agama juga merupakan faktor yang signifikan dalam mempengaruhi pilihan jenis penjagaan di usia tua. Jadual 5 menunjukkan bahawa responden yang beragama Buddha adalah lebih rendah kebarangkaliannya untuk memilih penjagaan formal berbanding

responden yang beragama Islam. Apabila dikira kesan sut, responden yang beragama Buddha adalah 1.34% lebih rendah kebarangkaliannya untuk memilih rumah penjagaan formal berbanding responden yang beragama Islam. Ini menggambarkan responden beragama Buddha lebih cenderung untuk memilih jenis penjagaan tidak formal di usia tua berbanding responden beragama Islam.

Faktor keluarga samada telah berkahwin ataupun tidak dan juga bilangan anak dijangkakan penting dalam mempengaruhi pilihan responden terhadap perancangan pilihan responden di usia tua. Hasil regresi Probit mendapati hanya faktor bilangan anak yang signifikan dan mempunyai hubungan yang negatif dengan pilihan rumah penjagaan formal. Semakin tinggi bilangan anak yang ada semakin rendah kebarangkalian untuk memilih rumah penjagaan formal, sebaliknya mereka lebih cenderung untuk memilih rumah penjagaan tidak formal iaitu untuk tinggal dengan anak-anak. Bagi setiap tambahan anak, kebarangkalian untuk memilih rumah penjagaan formal berkurangan sebanyak 0.11%.

Di samping itu, tempat tinggal responden masa kini samada di rumah sendiri yang dibeli ataupun tinggal di rumah sewa, saudara dan lain-lain juga merupakan faktor yang penting untuk menggambarkan kekayaan ataupun aset responden. Responden yang mempunyai rumah sendiri adalah 2.9% lebih rendah kebarangkalian untuk memilih rumah penjagaan formal. Sebaliknya, mereka yang mempunyai aset dalam bentuk rumah sendiri lebih cenderung untuk memilih penjagaan tidak formal samada dengan anak-anak, saudara mara ataupun tinggal sendiri.

Memandangkan tahap kesihatan individu semakin berkurangan dengan meningkatnya usia mereka, adalah penting untuk mengambilkira pembolehubah status kesihatan responden. Hasil regresi model di Jadual 5 menunjukkan nilai yang negatif dan signifikan dan ini menggambarkan responden yang mempunyai tahap kesihatan yang baik kurang cenderung untuk memilih rumah penjagaan formal. Kebarangkalian untuk responden yang sihat memilih rumah penjagaan formal adalah 0.39% lebih rendah berbanding responden yang tidak sihat. Dapatan ini juga menggambarkan responden yang tidak sihat lebih cenderung untuk memilih rumah penjagaan formal.

Jadual 5: Hasil Regresi Model Probit

Pembolehubah Bersandar	Koefisien	Ralat Piawai	Kesan Marginal ¹
Umur responden	-	-	-
- 40-50 tahun ²	1.0069**	0.4853	0.0019
- 51-60 tahun	0.0795	1.3777	0.0001
- > 60 tahun			
Jantina (1=Lelaki)	0.3501	0.4152	0.0005
Agama responden	-	-	-
- Islam ²	-2.6600***	0.7583	-0.0134
- Buddha	-	-	-
- Hindu	-0.9300	0.7194	-0.0004
- Kristian			
Bilangan anak	-0.9202***	0.2686	-0.0011
Sihat	-1.2786**	0.6109	-0.0039
Pendapatan bulanan responden	-	-	-
- < RM1001 ²	-	-	-
- RM1001-RM2000	0.3597	0.9139	0.0006
- RM2001-RM3000	0.1932	0.9928	0.0002
- RM3001-RM4000	-	-	-
- >RM4000	3.1027***	1.2181	0.1792***

Responden yang berkahwin	-0.5041	0.8150	-0.0013
Simpanan	0.8078	0.5181	0.0018
Insuran	-1.2892**	0.6001	-0.0055
Rumah yang dibeli	-2.1563***	0.7916	-0.0293
N=260, Pseudo R ² = 0.53			
* signifikan pada aras keertian 10%			
** signifikan pada aras keertian 5%			
*** signifikan pada aras keertian 1%			
Nota:			
1. Kesan sut (<i>marginal effect</i>) untuk pembolehubah <i>continuous</i> dikira pada nilai purata dan untuk pembolehubah <i>dummy</i> dikira untuk perubahan <i>discrete</i> dari nilai 0 ke 1.			
2. Kategori umur 40 hingga 50 tahun, agama Islam dan pendapatan bulanan kurang daripada RM1000 dijadikan kategori asas untuk perbandingan.			

Untuk mengambilkira faktor perancangan kewangan responden untuk di usia tua, responden telah ditanya samada mereka mempunyai simpanan untuk di usia tua dan juga samada mereka mempunyai insuran kesihatan ataupun tidak. Kedua-dua faktor ini telah dimasukkan sebagai pembolehubah bebas dan hasil regresi model mendapati hanya satu faktor yang signifikan iaitu faktor insuran. Responden yang mempunyai insuran kesihatan adalah lebih berkemungkinan untuk memilih rumah penjagaan tidak formal berbanding responden yang tidak mempunyai insuran. Berdasarkan kesan sut yang dikira daripada hasil regresi model Probit, kebarangkalian bagi responden yang mempunyai insuran kesihatan adalah 0.55% lebih rendah untuk memilih rumah penjagaan formal berbanding mereka yang tidak mempunyai insuran.

Secara umumnya, hasil regresi model Probit ini mendapati faktor pendapatan, umur, agama, bilangan anak, status kesihatan, tempat tinggal dan juga faktor perancangan kewangan responden iaitu samada mempunyai insuran ataupun tidak merupakan faktor-faktor yang signifikan dalam mempengaruhi keputusan responden mengenai perancangan mereka untuk memilih jenis penjagaan formal ataupun tidak formal. Responden yang lebih cenderung untuk memilih rumah penjagaan formal terdiri daripada responden yang berpendapatan tinggi, usia yang semakin meningkat, yang sakit, tidak mempunyai rumah sendiri, beragama Islam, bilangan anak yang sedikit ataupun tiada dan mereka yang tidak mempunyai insuran kesihatan. Faktor-faktor lain adalah didapati tidak signifikan dalam mempengaruhi perancangan pilihan responden.

5. Rumusan Kajian dan Implikasi Dasar

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa responden kini ramai yang membuat perancangan kewangan untuk penjagaan di usia tua tidak kira mereka mahu tinggal dengan anak-anak, saudara mara atau tinggal bersendirian atau pun jika mereka mahu tinggal di rumah penjagaan orang tua formal iaitu rumah penjagaan orang tua awam mahu pun swasta. Perancangan kewangan yang dibuat dapat dilihat daripada wang simpanan untuk di usia tua dan juga insuran kesihatan. Lebih daripada 60% responden mempunyai insuran tetapi hanya sepertiga responden yang mempunyai simpanan untuk di usia tua.

Model regresi Probit telah digunakan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan reseeden mengenai perancangan jenis penjagaan di usia tua samada rumah penjagaan formal ataupun tidak formal. Hasil regresi model ini mendapati faktor-faktor yang mempengaruhi perancangan tempat tinggal di usia tua secara signifikan adalah faktor pendapatan, umur, status kesihatan responden masa kini, bilangan anak, agama dan juga samada mereka mempunyai insuran kesihatan ataupun tidak. Didapati pendapatan dan

rancangan untuk tinggal di rumah penjagaan formal berhubung secara positif. Responden yang mempunyai pendapatan melebihi RM4000 sebulan cenderung memilih untuk tinggal di rumah penjagaan formal. Status kesihatan dan bilangan anak pula berhubung secara negatif. Responden yang tidak sihat memilih untuk tinggal di rumah penjagaan orang tua formal. Seterusnya bagi responden yang tidak mempunyai anak atau yang kurang bilangan anak akan memilih tempat penjagaan orang tua formal dan sebaliknya mereka yang mempunyai anak yang ramai akan cenderung memilih untuk tinggal dengan anak-anak.

Kajian mendapati walaupun terdapat prospek permintaan terhadap rumah penjagaan orang tua formal, tetapi peratusan mereka yang memilih untuk tinggal di rumah orang tua formal adalah kecil, sekitar 5% sahaja. Ini bermakna prospek permintaan untuk penjagaan orang tua secara formal wujud walaupun tidak begitu tinggi. Pun begitu sebahagian besar daripada responden ini memilih rumah penjagaan orang tua swasta berbanding dengan rumah penjagaan orang tua awam.

Berhubung kait dengan penemuan kajian ini, beberapa cadangan boleh dibuat kepada semua orang ramai (sama ada tua dan muda) dan juga institusi penjagaan orang tua awam atau pun swasta dan juga pihak berwajib.

Pertamanya, bagi semua orang ramai, perancangan kewangan adalah sangat penting untuk kehidupan di usia tua. Secara lumrahnya, semua manusia akan menjadi semakin uzur apabila usia semakin meningkat. Tidak kurang pula yang mengidap pelbagai penyakit di usia tua. Golongan ini terpaksa bergantung kepada orang lain dalam melakukan kerja-kerja asas seperti bantuan fizikal dan mental secara berterusan. Perbelanjaan untuk menyara diri di usia tua pastinya menjadi lebih tinggi jika rawatan pakar diperlukan. Kos berkaitan dengan penjagaan kesihatan di Malaysia sentiasa meningkat seperti di negara-negara lain. Adalah menjadi satu cabaran hebat bagi membiayai rawatan kesihatan bagi warga emas terutamanya bagi golongan yang memerlukan dan tidak dilindungi oleh skim pencen, insuran dan apatah lagi jika tidak langsung mempunyai sumber pendapatan atau simpanan sendiri. Oleh itu walaupun mungkin ramai daripada warga emas akan tinggal dengan anak-anak atau ahli keluarga lain di usia tua, sebagaimana tradisi masyarakat Asia, tetapi perancangan kewangan masih diperlukan. Ini ialah supaya warga emas tidak membebankan anak-anak dengan kos penjagaan yang tinggi, apatah lagi jika pendapatan anak-anak pula tidak seberapa dan memerlukannya untuk pelbagai perbelanjaan diri dan ahli keluarga (anak dan isteri) mereka. Adalah dicadangkan supaya kesedaran dan pendidikan untuk merancang kewangan untuk kegunaan di usia tua dipertingkatkan lagi di kalangan semua lapisan masyarakat.

Bagi warga emas yang mempunyai pelbagai aset pula janganlah terlalu memikirkan untuk menjadikan kekayaan mereka sebagai pusaka kepada anak-anak. Gunakan kekayaan itu untuk kebajikan sendiri terlebih dahulu. Dalam masa yang sama semua orang termasuk warga emas walau pun masih dalam keadaan sihat dicadangkan supaya mengendalikan satu sistem maklumat berkaitan dengan segala aset dan tanggungan mereka. Segala maklumat perlu dihebahkan atau diketahui oleh sekurang-kurangnya seorang ahli keluarga yang dipercayai untuk menguruskan aset berkenaan untuk penjagaan diri mereka sama ada semasa tinggal bersama ahli keluarga mahupun di rumah penjagaan orang tua formal sekiranya dengan secara tiba-tiba warga emas ditakdirkan diserang penyakit atau sebagainya yang mengganggu keupayaan kesihatan fizikal dan mental mereka.

Kajian ini mendapati wujud permintaan untuk pusat penjagaan warga tua formal dan majoriti responden merancang untuk tinggal di rumah penjagaan warga tua swasta. Terdapat rumah penjagaan warga tua swasta yang dikendalikan oleh individu dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mendapat geran kerajaan dan ada yang beroperasi secara persendirian tanpa geran kerajaan dan bergantung kepada sumbangan orang ramai. Oleh itu bolehlah

dijangkakan standard kemudahan yang dapat diberikan oleh rumah penjagaan orang tua sebegini yang biasanya beroperasi secara percuma kepada penghuninya mungkin tidak dapat memuaskan hati semua orang dan cuma layak untuk mereka yang tidak mampu sahaja.

Walau pun terdapat keadaan di mana pusat penjagaan warga tua tidak dapat memberi kepuasan maksimum kepada penghuninya, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa rumah-rumah penjagaan warga tua juga boleh menjamin keselamatan warga tua atau warga emas. Bagi anak-anak yang sibuk bekerja, meninggalkan warga emas keseorangan di rumah bukanlah satu perkara yang bijak kerana ia boleh mengundang bahaya. Bukan sahaja kadar jenayah semakin meningkat, malah terdapat juga bahaya-bahaya lain seperti kemungkinan mereka boleh terjatuh atau terlibat dalam kebakaran. Pekara-pekerja sebegini telah banyak disiarkan di dada akhbar dan mungkin boleh dielakkan dengan adanya pengawasan sepanjang masa di rumah penjagaan orang tua.

Kajian ini juga menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap rumah penjagaan warga emas masih di bawah peringkat yang rendah. Oleh itu, media massa dan proses pendidikan menjadi agen yang penting bagi memupuk kesedaran masyarakat ini. Melalui langkah ini dapat berjaya memberi gambaran kepada mereka terhadap perubahan operasi rumah penjagaan warga emas masa kini. Faktor menyebabkan penghantaran warga emas bukanlah lagi seperti dahulu yang disebabkan sengaja ditinggalkan oleh anak namun adalah akibat daripada kesibukan kerja zaman ini. Situasi begini mengakibatkan anak mereka terpaksa menghantar ibu bapa mereka masuk ke tempat penjagaan orang tua lebih-lebih lagi dalam ketiadaan pembantu atau orang gaji di rumah mereka. Selain untuk tujuan keselamatan, rumah penjagaan warga emas juga menawarkan perkhidmatan yang professional, penjaga-penjaga mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi untuk menjaga warga emas yang kurang keupayaan. Selain itu aktiviti-aktiviti di rumah penjagaan warga emas turut dapat memenuhi masa depan warga emas yang bosan. Terdapat rumah penjagaan warga emas yang mengkhusus untuk pendidikan ugama terutamanya yang beragama Islam.

Bagi warga tua yang berpendapatan tinggi pula mereka mampu untuk memilih tinggal di rumah penjagaan orang tua swasta berbayar. Kini rumah penjagaan warga emas tidak berbentuk rumah kebajikan yang menawarkan tempat tinggal sahaja. Jenis kemudahan mesti dipelbagaikan dan kualiti kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan mestilah dipertingkatkan sesuai dengan keperluan dan kos yang dibayar oleh pelanggan.

Sebagaimana telah diperkatakan di negara Malaysia terdapat institusi penjagaan warga tua awam dan swasta. Ada juga pusat penjagaan swasta beroperasi secara percuma sebagai rumah kebajikan dan khidmat sosial dan ada pula yang beroperasi secara berbayar. Malaysia boleh mengikut model negara Cina yang mengintegrasikan institusi penjagaan orang tua swasta percuma dengan rumah kebajikan warga emas awam untuk memastikan perkhidmatan yang lebih cekap.

Selain itu, pihak kerajaan boleh menggunakan faktor demografi sebagai asas yang baik untuk membuat peramalan, perancangan dan penyediaan dasar ekonomi dan sosial dalam dekad-dekad mendatang. Kerajaan Malaysia mesti menaikkan belanjawan pembangunan terhadap pelbagai keperluan dan kemudahan asas warga emas.

Adalah tidak mustahil jika di masa hadapan bilangan warga tua yang mahu tinggal di rumah penjagaan warga tua swasta akan meningkat kerana pelbagai faktor. Antaranya, adalah dijangkakan pada tahun 2020 nanti, jumlah warga tua adalah 11.3% daripada jumlah keseluruhan penduduk di negara Malaysia. Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, WHO) sesebuah negara itu termasuk dalam takrifan '*fenomena ketuaan*' apabila jumlah warga tuanya mencapai 7% daripada keseluruhan jumlah penduduk di negara tersebut. Jesteru, kehadiran agensi-agensi perkhidmatan kebajikan sosial awam serta swasta dapat membantu

meningkatkan kualiti hidup warga emas. Pembangunan pusat penjagaan warga emas dan kemudahan rawatan bagi warga emas merupakan satu kemudahan asas yang amat penting dan diperlukan golongan ini. Ini adalah kerana perubahan-perubahan yang dialami mereka dari segi fizikal, mental dan emosi akibat daripada proses penuaan menuntut perhatian, sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak.

Rujukan

- Chen Ai Jud and Jones, G. 1989. Ageing in ASEAN: Its socio-economic consequences. Singapore: Insitute of Southeast Asian Studies.
- Day, A.T dan Day, L.H. 1993. Living Arrangemens and 'Successful Ageing' Among Ever – Married American White Women 77-87 Years of Age, *ageing and Society*, 13:365-387.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2009. Perkhidmatan Warga Emas. www.jkm.my.
- Jariah Masud, Sharifah Azizah Haron and Tengku Aizan, H. (2006). Health Status and Perceived Income Adequacy among Older Persons in Malaysia. *Asia Pacific Journal of Public Health*, Volume 18 (Supplementary), 2-8.
- Malaysia. 2008. Perangkaan Penting Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia. 2006. Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010.
- Malaysia. 2001. Perangkaan Penting Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Marsitah Mohd. Radzi, Fatan Hamamah Yahaya, Suhana Saad. 1999. Warga tua: Satu tinjauan terhadap aspek demografi, kesihatan dan kekeluargaan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. 21(1): 1-23.
- Ng Sor Tho and Tey Nai Peng (2006). Retirement and Perceived Health Status of the Urban Elderly, *Asia Pacific Journal of Public Health*, Volume 18 (supplementary), 9-13.
- Ooi Siew Tin. 2009. Sistem Pengurusan Pusat Penjagaan Warga Emas Swasta. *Temubual*, 20 March.
- Qureshi, H dan Walker, A. 1989. *The caring relationships: olderly people and their families*. London: Macmillan Education Ltd.
- Salma Ishak dan Fuziah Shafie. 1998. Keperluan dan corak tempat tinggal bagi warga tua. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. 20(1): 23-36.
- Sabitha Marican, 1996. Penelitian Ke Atas Perkembangan Warga Tua Dalam Mencapai Dasar Masyarakat Penyayang. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. 19(1):1-11.
- Santhi Thermaligam. 2006. Analisis Pola Perbelanjaan Sebulan Warga Emas di sekitar Johor Bahru. *Kertas Ilmiah*. UKM, Bangi.
- Saul, S. 1974. *An Album of People Growing Old*. New York. John Wiley & Sons: 20-27.
- Sharifah Azizah Haron, Nurizan Yahya, Laily Paim, Tengku Aizan, H, Zumilah Z., Ma'rof, Sharifah Norazizan, S.A.R dan Asnarulkhadi, A. S. (2006). Living Arrangements of Older Persons on Welfare: Implications on Health, Economic Well Being and Life Satisfaction. *Asia Pacific Journal of Public Health*, Volume 18 (Supplementary), 26-34.
- Smolak, L. 1993. *Adult Development*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice Hall.
- Tan, P.C. & Ng, S.T. 2000. Chapter 15: Ageing in Malaysia: Issues and Policies, D.R. Philips (ed.) *Ageing in the Asia-Pacific Region: Issues, Policies and Future Trends*, Routledge London and New York, pg 284-298.
- Tengku Aizan, H. 2001. Family Care Versus Institutional Care. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. 23(2): 21-29.
- United Nations, 1990. *Golbal Outlook 2000*. New York: United Nations.
- Utusan Malaysia, 2007. Komitmen Memakmurkan Negara, Rencana, 8 September 2007.
- Van Solinge, H. 1994. Living Arrangements of Non-Married Elderly People in the Netherlands 1994. *Ageing and Society*. 14:219.
- Wah-Yun Low, Khoo E. M. and Tan, H. M. (2006). Health, Lifestyles and Social Support of Ageing Men, *Asia Pacific Journal of Public Health*, Volume 18 (supplementary), 54-59.